BRENDA LISABETH MARSHALL

lwn.

VISVARATNAM SABARATNAM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
RAHMAH HUSSAIN H
[PETISYEN PERCERAIAN NO: S4-33-1123-98]
26 OKTOBER 2001

UNDANG-UNDANG KELUARGA: *Kanak-kanak - Jagaan & Penjagaan - Relif sampingan - Terma mengenai akses - Akses semasa cuti persekolahan dan cuti am - Sama ada perlu mengambilkira kebajikan kanak-kanak - Sama ada patut dibahagi secara sama rata*

Pada 17 November 1998, pempetisyen telah memfail petisyen penceraian terhadap responden dan memohon, antara lain, untuk diberikan hak penjagaan ke atas anaknya. Pada 19 Mei 1999, responden telah memfailkan jawapannya sambil memohon perintah supaya pempetisyen keluar dari rumah perkahwinan serta memindahmilik bahagiannya di rumah tersebut kepada responden.

Pada 9 Julai, 1999, pempetisyen telah memfailkan saman dalam kamar dan memohon perintah injunksi bagi menghalang responden dari mengganggu pempetisyen dan anaknya serta untuk responden meninggalkan rumah perkahwinan sehingga kes ini selesai. Mahkamah membenarkan permohonan pempetisyen tetapi pada 2 September 1999 kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan supaya tempoh responden keluar dari rumah perkahwinan dilanjutkan sehingga tamat perbicaraan penuh kes penceraian.

Pada 8 Oktober 1999, kedua-dua pihak telah bersetuju supaya responden keluar dari kediaman mulai 9 Oktober 1999. Perbicaraan penuh kes penceraian bermula pada 16 November 1999 dan perintah pembubaran perkahwinan telah dibenarkan pada 17 November 1999. Kemudiannya, beberapa permohonan untuk relif sampingan telah dibuat oleh kedua-dua pihak, dan berikutnya, pada 17 Julai 2000 dan 20 November 2000, mahkamah membuat perintah mengenai akses terhadap kanak-kanak tersebut. Namun begitu, oleh kerana perintah yang diberi tidak meliputi akses semasa cuti persekolahan dan cuti-cuti am, dan atas keengganan responden menyempurnakan suatu akses yang sama rata di antara kedua-dua pihak, maka pempetisyen membuat permohonan seterusnya bagi mendapat perintah yang lebih meliputi berhubung isu akses ini.

Diputuskan:

[1] Kedua-dua pihak, terutama responden, lebih mementingkan diri sendiri daripada kebajikan anak mereka. Responden telah mengambil alih tugas penjagaan kanak-kanak tersebut dengan mengenepikan sama sekali

pempetisyen yang sebagai ibu boleh memberikan belaian kasih sayang yang lebih erat dan mesra daripada responden kerana sifat semula jadinya. (ms 124 a-b)

[2] Berdasarkan fakta, dan mengambilkira autoriti Foo Kok Soon lwn. Leony Rosalina, mahkamah membenarkan permohonan pempetisyen seperti perintah yang dibuat pada 20 November 2000. Perintah ini, bagaimanapun, bukanlah untuk mengubah perintah bertarikh 14 Julai 2000. Ia hanya menentukan dengan jelas terma-terma mengenai akses yang tidak ditentukan sebelum ini. [124 c-f]

[Permohonan pempetisyen dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Foo Kok Soon lwn. Leony Rosalina [1998] 4 CLJ 239 ***(diikuti)***

Bagi pihak pempetisyen - V Alahakone; T/n Azlin Alahakone & Assocs
Bagi pihak responden - DR John; T/n Atma Singh Veriah & Co

Dilaporkan oleh Mariette Peters-Goh

PENGHAKIMAN

Rahmah Hussain H:
Dalam permohonan ini pempetisyen memohon perintah-perintah berikut:

(1) Bahawa pempetisyen diberikan kebenaran untuk mendapatkan akses ke atas anak tersebut pada separuh cuti persekolahan yang kedua (second half of the school holidays) termasuk separuh dari kesemua cuti umum yang panjang lebih dari satu hari dan separuh hari ulangtahun kelahiran (birthday) anak tersebut;

(2) Bahawa pempetisyen juga diberikan akses yang sepenuhnya pada perayaan hari Krismas manakala responden diberikan akses yang sepenuhnya pada perayaan hari Deepavali;

(3) Bahawa responden hendaklah menyerahkan paspot antarabangsa anak tesebut kepada pempetisyen semasa cuti persekolahan;

(4) Bahawa responden tidak dibenarkan mengganggu anak tersebut melalui telefon atau mengarahkan anak tersebut untuk menghubunginya sepanjang masa pempetisyen mendapat akses ke atas anak tersebut;

(5) Bahawa kos dalam permohonan ini ditanggung oleh responden; dan

(6) Sebarang relif dan perintah yang difikirkan wajar dan adil untuk diberikan oleh mahkamah yang mulia ini.

Pempetisyen telah memfailkan petisyen perceraian [Kandungan (1)] pada 17 November 1998 dan memohon perintah seperti berikut:

(a) bahawa perkahwinan di antara pempetisyen dan responden dibubarkan dan *decree nisi* dijadikan mutlak selepas tempoh tiga bulan;

(b) bahawa pempetisyen diberikan hak penjagaan, pemeliharaan dan kawalan ke atas anaknya yang bernama Shaegan Vishal Visvaratnam (selepas ini dirujuk sebagai anak tersebut);

(c) bahawa responden hendaklah memberikan nafkah sebanyak RM1,500 pada setiap bulan terhadap anak tersebut dan juga bertanggungjawab terhadap pelajarannya;

(d) bahawa responden dibenarkan akses pada hujung minggu yang berselang-seli dari hari Jumaat pukul 8.00 malam sehingga hari Ahad 7.00 malam dan pada setengah setiap percutian sekolah;

(e) bahawa responden hendaklah keluar meninggalkan rumah perkahwinan supaya kedua-dua pempetisyen dan responden menjalankan kehidupan masing-masing secara bersendirian;

(f) bahawa pempetisyen bersama anak tersebut dibenarkan terus tinggal di dalam rumah perkahwinan yang beralamat di No. 25, Jalan 14/48, 46100 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan (selepas ini dirujuk sebagai harta tersebut).

(g) bahawa responden terus membayar pinjaman untuk harta tersebut dan apabila selesai pembayarannya, kedua-dua pempetisyen dan responden akan memindahmilik harta tersebut kepada anak tersebut;

(h) bahawa anak tersebut akan bersama pempetisyen semasa menyambut perayaan hari Krismas dan anak tersebut pula akan bersama responden semasa menyambut perayaan hari Deepavali;

(i) bahawa anak tersebut akan bersama pempetisyen dan responden setengah hari secara bergilir pada hari ulang tahun kelahirannya;

(J) bahawa kos dalam kausa ini ditanggung oleh kedua-dua belah pihak;

(k) sebarang relif selanjutnya yang difikirkan adil dan wajar diberikan oleh mahkamah yang mulia ini.

Responden telah memfailkan jawapan kepada petisyen – di Kandungan (16) pada 19 Mei 1999 dan memohon perintah-perintah berikut:

(a) bahawa perkahwinan yang diadakan di antara pempetisyen dan responden dibubarkan dan *decree nisi* dijadikan muktamad dalam tiga bulan;

(b) bahawa responden diberi jagaan kustodi dan kawalan anak tersebut dari perkahwinan iaitu Shaegan Vishal Visvaratnam;

(c) bahawa pempetisyen diberi akses kepada anak tersebut pada hari Jumaat berselang-seli dari 8.00 sehingga 7.00 malam pada hari Ahad dan setengah cuti sekolah;

(d) bahawa pempetisyen keluar dari rumah perkahwinan di No. 25, Jalan 14/48, 46100 Petaling Jaya pada pemberian *decree nisi*;

(e) bahawa pempetisyen memindah milik bahagiannya di rumah No. 25 tersebut dengan melaksanakan borang 14A secara escrow bagi pihak responden dan sebagai balasan responden melucutkan hak-haknya kepada aset-aset perkahwinan yang telah diperolehi oleh pempetisyen dan yang tidak diisytiharkan oleh pempetisyen;

(f) bahawa anak tersebut meluangkan hari Krismas dengan pempetisyen dan Deepavali dengan responden;

(g) bahawa anak tersebut meluangkan setengah harijadinya dengan pempetisyen dan responden berselang-seli;

(h) bahawa pempetisyen membekalkan satu akaun kewangan dan aset-aset yang diperolehi olehnya seluruh kewujudan perkahwinan tersebut;

(i) bahawa mahkamah memerintahkan bahawa pempetisyen mendepositkan satu jumlah yang mahkamah anggap munasabah di dalam satu akaun amanah bagi anak tersebut;

(j) bahawa setiap pihak membayar kos masing-masing;

(k) apa jua relif yang lain yang mahkamah yang mulia ini anggap sesuai bagi diperintahkan.

Pada 9 Julai 1999 pula, pempetisyen telah memfailkan saman dalam kamar [Kandungan (27)] untuk mendapatkan suatu perintah injunksi menghalang responden dari mengganggu pempetisyen dan anaknya serta untuk responden meninggalkan rumah perkahwinan sehingga kes ini selesai. Mahkamah telah membenarkan permohonan pempetisyen pada 20 Ogos 1999 dan responden dikehendaki keluar rumah pada/sebelum 6 September 1999. Responden telah membuat rayuan keatas keputusan ini ke Mahkamah Rayuan tetapi kemudiannya rayuan telah ditarik balik oleh responden.

Pada 2 September 1999, kedua-dua pihak telah mencapai persetujuan supaya tempoh responden keluar dari rumah perkahwinan dilanjutkan sehingga tamat perbicaraan penuh kes perceraian. Terma-terma persetujuan telah dikemukakan sebagai lampiran "A":

The Petitioner and the Respondent shall have access to the child Shaegan Vishal a/l Visvaratnam for the following alternate weeks pending the finalisation of the divorce which is fixed for trial on 16 and 17 November 1999.

Access for Petitioner	Access for Respondent
03 - 04 September 1999	05 - 08 September 1999
09 - 11 September	12 - 18 September
19 - 25 September	26 September - 02 October
03 - 09 October	10 - 16 October
17 - 23 October	24 - 30 October
31 October - 06 November	07 - 13 November
14 - 20 November	21 - 27 November
28 November - 4 December	05 - 11 December
12 - 18 December	19 - 25 December
26 - 31 December	

Joint Undertakings

1. Both parties agree not to interfere with each other and with the child when the child is with the other party.

2. No usage of foul language nor any form of intimidation shall be practised by either party on each other or on the child.

3. The respondent is to inform the petitioner of any prior appointment with the doctor so that petitioner can take child to the said doctor during the periods the petitioner has access.

4. The respondent is to inform the petitioner of all the activities including tuition for the said child including the location so that petitioner can take the child for the said activities during the periods the petitioner has access.

5. Each party is to take the child to the hospital in the event the child falls ill whilst in their respective custody.

6. No brainwashing or emotional abuse shall be done by either of the parties on the said child.

7. The child shall sleep with the respective parties during their respective access.

8. The Petitioner is to remove all personal belongings from the master bedroom and both parties are to refrain from entering each other's respective bedrooms.

9. Each party is to ensure that the house is properly secured upon return particularly the locking of the house doors and securing the alarm system.

10. Both parties are at liberty to invite relatives, friends and visitors to the said matrimonial home without any objection from the other party.

11. Neither party shall contact or harass the immediate family members and friends of the other.

Pada 8 Oktober 1999, kedua-dua pihak telah bersetuju supaya pempetisyen keluar dari rumah kediaman mulai 9 Oktober 1999 tetapi akses seperti di lampiran "A" bertarikh 2 September 1999 diteruskan.

Perbicaraan penuh kes perceraian telah bermula pada 16 November 1999 dan perintah pembubaran perkahwinan telah dibenarkan pada 17 November 1999. Sementera itu isu mengenai relif sampingan diteruskan dengan pempetisyen memberi keterangan. Kes ditangguhkan ke 27 Januari 2000 dan 23 Mac 2000.

Pada 8 Februari 2000 pula, responden telah memfailkan saman dalam kamar – Kandungan (57) untuk perintah-perintah seperti berikut:

(1) Bahawa perintah akses yang telah diberikan pada 8 Oktober 1999 kepada pempetisyen untuk anak perkahwinan iaitu Shaegan Vishal Visvaratnam diubah dan satu perintah diberi bahawa pempetisyen diberi akses pada hujung minggu secara berselang-seli dari pukul 1.00 petang hari Sabtu sehingga pukul 8.00 malam hari Ahad.

(2) Bahawa perintah ini dikekalkan sehingga tamat perbicaraan isu hak penjagaan anak tersebut.

(3) Kos permohonan ini dibayar oleh pempetisyen.

(4) Apa juga perintah lagi yang mahkamah yang mulia ini anggap perlu diberi.

Pempetisyen pula pada 24 Februari 2000 memfailkan saman dalam kamar – kandungan (60) untuk perintah-perintah seperti berikut:

(i) Bahawa responden diarahkan untuk keluar meninggalkan rumah matrimoni tersebut dengan serta merta dan pempetisyen dibenarkan pulang dan tinggal di rumah matrimoni tersebut bersama anak lelakinya.

(ii) Bahawa responden dibenarkan akses ke atas anak tersebut pada hujung minggu secara berselang minggu dari 2 petang pada hari Sabtu hingga pukul 7 malam hari Ahad.

(iii) Bahawa kos untuk permohonan ini ditanggung sepenuhnya oleh responden.

Perbincangan untuk menyelesaikan dua permohonan untuk mengubah perintah di atas telah diadakan pada 12 Jun 2000 dan 14 Julai 2000. Pada 14 Julai 2000, anak hasil perkahwinan mereka juga telah ditemuduga. Akan tetapi kedua-dua pihak masih tidak dapat mencapai penyelesaian. Mahkamah telah memberi perintah interim mengenai kustodi dan akses seperti berikut:

Pempetisyen diberi akses pada tiap-tiap Jumaat mulai 4.00 petang hingga hari Ahad jam 6.00 petang. Pempetisyen akan menjemput anak dari sekolah pada hari Jumaat dan menghantarnya ke rumah Responden pada hari Ahad pada/ sebelum jam 7.00 malam.

Seterusnya perbicaraan mengenai relif sampingan telah diteruskan pada 13 dan 14 Disember untuk sambung bicara. Sebelum tarikh sambung bicara isu relif sampingan pempetisyen telah memfailkan saman dalam kamar ini [kandungan (106)] pada 3 November 2000.

Isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak pempetisyen dalam perkara ini adalah seperti berikut:

(1) Bahawa pada 14 Julai 2000, mahkamah telah memberikan perintah interim akses kepada pempetisyen tetapi tidak mengambil kira ke atas cuti persekolahan atau cuti umum dan telah menasihatkan kedua-dua pihak supaya membuat perkiraan sendiri.

(2) Bahawa satu percubaan untuk mendapatkan persetujuan responden supaya pempetisyen dapat menghabiskan masa cuti persekolahan dibahagikan sama rata telah dibuat tetapi responden cuba mengurangkan akses pempetisyen kepada dua hari sahaja dalam sebulan. Ini menunjukkan responden bertujuan untuk memisahkan anak dari pempetisyen.

(3) Bahawa sebagai seorang ibu, pempetisyen berhak untuk menghabiskan masa bersama anak tersebut untuk cuti persekolahan, cuti umum yang panjang lebih dari satu hari, cuti perayaan hari Krismas dan juga untuk meraikan hari ulangtahun kelahiran anak tersebut tanpa sebarang halangan dan gangguan dari responden.

(4) Walaupun mulanya responden membuat dakwaan yang pempetisyen sukar untuk meluangkan masa bersama anak tetapi kini responden masih menafikan pempetisyen bersama anak walaupun pempetisyen cuba berbuat demikian. Malahan responden dengan secara perlahan mengajar (slowly programming) anak tersebut supaya membenci pempetisyen dan bersikap kasar terhadap beliau. Kini anak telah lebih mengalami tekanan (traumatised).

(5) Bahawa lebih lama anak tersebut tinggal bersama responden, kebajikan anak akan bertambah buruk.

(6) Bahawa semasa anak tersebut bersama pempetisyen, pempetisyen juga berhak membawa anak ke luar negara.

Sementara itu pihak responden pula membangkitkan isu-isu yang berikut:

(1) Responden telah memfailkan permohonan kandungan (87) untuk mengubah perintah bertarikh 14 Julai 2000. Pempetisyen pula telah memfailkan

permohonan kandungan (93) untuk mengekalkan perintah bertarikh 14 Julai 2000. Terdapat konflik di antara permohonan pempetisyen di kandungan (93) dengan permohonan ini iaitu kandungan (106).

(2) Kustodi bermakna responden menjaga anak tersebut tetapi beliau tidak menghabiskan masa yang berkualiti bersama anak semasa beliau bekerja. Juga terdapat permohonan supaya anak dihalang daripada menelefon bapa beliau. Terdapat laporan doktor pakar jiwa yang mengatakan anak tersebut tidak patut dihalang daripada menghubungi orang-orang yang disayanginya.

(3) Kemahuan anak tersebut juga patut diberi pertimbangan. Setelah memberi pertimbangan sewajarnya terhadap hujahan kedua-dua peguam dan mengambil kira afidavit-afidavit yang telah difailkan oleh kedua-dua pihak, saya telah membenarkan permohonan pempetisyen dan membuat perintah seperti berikut:

(1) **Cuti persekolahan:**

2 minggu pertama kepada Responden diikuti 2 minggu selepasnya mulai 29.11.00 kepada Pempetisyen. Seterusnya 2 minggu bergilir-gilir sehingga tamat cuti persekolahan.

(2) **Hari Perayaan:**

Hari Krismas kepada Pempetisyen dan Deepavali kepada Responden.

(3) **Cuti am:**

Bergilir-gilir.

(4) **Harijadi anak dan ibu bapa:**

Bergilir-gilir.

(5) **Paspot Antarabangsa:**

Hendaklah diserah kepada Pempetisyen semasa gilirannya dalam cuti persekolahan.

(6) Bahawa Responden tidak dibenarkan mengganggu anak tersebut melalui telefon atau apa-apa cara pun semasa giliran Pempetisyen mendapat akses.

(7) Kos permohonan ini ditanggung oleh Responden.

Pada pendapat saya terma perintah tersebut adalah kebaikan dan kebajikan kanak-kanak kerana beliau memerlukan kasih sayang dan penjagaan kedua-dua ibu bapa (daripada seorang sahaja) untuk pertumbuhan dan tumbesaran yang normal. Apa yang jelas kepada saya, daripada beberapa permohonan yang dibuat oleh kedua-dua pihak (iaitu kandungan (16), (27), (57), (60), (87), (93), (106) dan beberapa lain lagi) ialah, kedua-dua pihak, (terutama responden) lebih

mementingkan diri mereka sendiri, daripada kebajikan anak mereka. Ini boleh di lihat dari keterangan pempetisyen semasa perbicaraan petisyen perceraian mereka di mahkamah terbuka bahawa sejak lahir anak mereka, responden telah mengambil alih tugas penjagaan anak tersebut dengan mengenepikan sama sekali pempetisyen, yang sebagai ibu boleh memberi belaian kasih sayang yang lebih erat dan mesra, daripada responden kerana sifat semula jadinya.

Petikan yang sesuai untuk menerangkan mengenai hak seseorang ibu untuk mendapatkan akses kepada seseorang anak, terdapat di dalam kes *Foo Kok Soon lwn. Leony Rosalina* [1998] 4 CLJ 289 di mana hakim yang bijaksana, RK Nathan, telah dengan jelasnya berkata:

> It is in recognition of the parental right to reach out to their children that the court grants to one, custody and to the other the right of access. This is a statutory right bestowed in this case upon the defendant and no wicked manipulation, nor monumental hatred can deprive the mother of this right of access. The right of access is for the mutual benefit of both, the parent deprived of custody, and for the children. At least by seeing the children, on the days and times provided by the court, the parent's anguish, and longing and desire to see the children without fear of punitive sanctions and injunctions, are fulfilled. On the other hand, such a parent is also in a position to see if the parent having the custody provides for the children and treats them fairly. The children too have someone to turn to, and to be able to relate to that parent if they are being ill-treated. Such a parent can easily ascertain if there has been any material change in the circumstances.

Oleh hal yang demikian di atas alasan-alasan yang tersebut di atas saya telah membenarkan permohonan pempetisyen seperti perintah yang telah dibuat pada 20 November 2000.

Pada pendapat saya perintah ini bukanlah satu perintah mengubah perintah mahkamah bertarikh 14 Julai 2000 tetapi hanya menentukan dengan jelas terma-terma mengenai akses yang tidak dipohon sebelum ini. Juga untuk mengelakkan dari kedua-dua pihak terpaksa datang ke mahkamah tiap-tiap kali mereka mengalami masalah untuk menentukan siapakah yang mempunyai akses semasa cuti sekolah, cuti am, cuti perayaan dan pada harijadi pempetisyen, responden dan anak perkahwinan. Dengan perintah ini juga mahkamah berharap kedua-dua pihak tidak lagi membuat sebarang permohonan yang remeh temeh supaya perbicaraan yang sedang dijalankan mengenai relif sampingan, tidak tergendala lagi dan mahkamah boleh membuat satu perintah yang muktamad dengan segera serta tidak dikatakan sengaja melewat-lewatkan pelupusan kes ini.